



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**  
**PERASMIAN BETTER BRIGHTER ANJUNG KASIH YKN – TNB**  
**HOSPITAL MELAKA**

**LOKASI / TARikh / MASA**  
**DEWAN AUDITORIUM SRI BAIDURI,**  
**BLOK B, ARAS 4, HOSPITAL MELAKA**  
**4 DISEMBER 2024 (RABU)**  
**10.00 PAGI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita berkumpul bagi menjayakan **Majlis Perasmian Better Brighter Anjung Kasih YKN – TNB Hospital Melaka** pada pagi yang sungguh bermakna dan bersejarah ini.

2. Saya amat mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat **Datuk Seri Doktor Haji Dzulkefly Ahmad**, Menteri Kesihatan Malaysia dan Yang Berbahagia **Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid**, Pengurus Tenaga Nasional Berhad, yang turut sama merealisasikan kerjasama penting ini dalam menubuhkan Better Brighter Anjung Kasih YKN – TNB di Hospital Melaka ini.

## **PENGENALAN YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

Puan-puan dan tuan-tuan,

3. Izinkan saya memperkenalkan sedikit tentang Yayasan Kebajikan Negara YKN), sebuah badan pemegang amanah yang ditubuhkan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, khususnya dalam kalangan golongan rentan seperti keluarga dan kanak-kanak, melalui pelbagai program kebajikan, kesihatan dan pendidikan.

## **ANJUNG KASIH YKN**

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. **Anjung Kasih**, salah satu inisiatif utama YKN, diwujudkan untuk menyediakan penginapan mesra insan kepada waris pesakit di hospital kerajaan. Sejak 2006, ia telah memberi manfaat kepada lebih 107,633 penghuni, dan tahun hadapan, Anjung Kasih ke-20 akan dibuka di Hospital Bintulu dengan tajaan Bintulu Port Holdings.

5. Salah satu kelebihan besar Anjung Kasih ialah membantu waris pesakit menjimatkan kos penginapan. Bayangkan, jika mereka perlu menginap di hotel, kos harian dianggarkan antara **RM100 hingga RM150** sehari.
6. Dengan adanya Anjung Kasih, waris pesakit tidak perlu berulang-alik dari rumah ke hospital atau memikirkan beban kos yang tinggi. Inisiatif ini bukan sahaja membantu menjimatkan perbelanjaan tetapi juga memberi ruang

kepada keluarga untuk memberikan sokongan emosi kepada pesakit yang sedang dirawat.

## **KEMUDAHAN BAHARU UNTUK KELUARGA DAN WANITA**

Puan-puan dan tuan-tuan,

7. Pada tahun ini, YKN telah memperkenalkan kemudahan baharu yang dirancang khusus untuk memenuhi keperluan waris pesakit dan kakitangan perubatan, iaitu **Bilik Kasih Keluarga** dan **Bilik Kasih Wanita**.

8. **Bilik Kasih Keluarga** dibangunkan dengan peruntukan **RM500,000**, menyediakan ruang istirahat lengkap dengan televisyen, pantri, ruang makan, dan ruang terapi untuk keselesaan keluarga.
9. Dengan peruntukan **RM350,000**, **Bilik Kasih Wanita** memberi ruang privasi dan keselesaan kepada jururawat wanita, ibu mengandung, serta ibu yang perlu mengepam susu, bagi menyokong keseimbangan antara tanggungjawab kerjaya dan keluarga.

10. Dua projek inisiatif ini dimulakan di Hospital Umum Sarawak dengan tajaan Yayasan Amanah Raya, Alliance Islamic Bank Berhad dan Perinsuran Brokar. Insyallah, projek ini akan diperkembangkan ke hospital yang lain dengan sokongan dan sumbangan daripada Rakan Strategik YKN.

## **SUMBANGAN RAKAN STRATEGIK YKN**

11. Di Hospital Melaka, Anjung Kasih ini direalisasikan dengan **kos tajaan sebanyak RM1.27 juta**, hasil sokongan penuh daripada **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**. Inisiatif ini meringankan beban kewangan keluarga pesakit, terutama mereka yang datang dari luar daerah, sambil memberi peluang untuk mereka menawarkan sokongan emosi yang lebih dekat kepada ahli keluarga yang sedang dirawat.

12. Saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan kepada TNB** atas komitmen luar biasa mereka dalam menjayakan projek ini, serta **Kementerian Kesihatan Malaysia**, khususnya **Hospital Melaka**, atas kerjasama erat mereka. Dedikasi TNB dan Hospital Melaka membuktikan bahawa kerjasama sektor korporat dan awam mampu memberi manfaat besar kepada mereka yang memerlukan.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh semua pihak dalam merealisasikan Better Brighter Anjung Kasih YKN – TNB di Hospital Melaka ini adalah contoh terbaik bagaimana usaha bersama dapat membawa perubahan besar kepada masyarakat. Projek ini bukan sahaja meringankan beban mereka yang memerlukan, tetapi juga menjadi simbol kasih

sayang, harapan, dan keprihatinan kita sebagai sebuah komuniti.

14. Akhir kata, marilah kita terus memperkuuhkan kerjasama seperti ini, agar lebih ramai lagi golongan yang memerlukan dapat dibantu, dan kehidupan mereka dapat dipermudahkan. Semoga usaha ini menjadi inspirasi kepada semua untuk terus menyumbang ke arah kesejahteraan rakyat Malaysia.

Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya merasmikan  
**Better Brighter Anjung Kasih YKN – TNB Hospital Melaka.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**  
**4 Disember 2024**